



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

JPPKK, MAYBANK JALIN KERJASAMA TINGKAT KOMPETENSI TENAGA PENGAJAR TVET

BANGI, 10 OGOS 2023 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Maybank menjalinkan kerjasama menerusi inisiatif terbaharunya iaitu Program Executive Lecturer Industrial Training Exposure bersama Malayan Banking Berhad (ELITE@MAYBANK). Inisiatif ini usaha berterusan JPPKK dalam menambah baik ekosistem TVET bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan yang akan menjadi pemacu perubahan bagi memenuhi permintaan industri dengan lebih baik.

Sebagai pemangkin utama dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia, ekosistem TVET yang kukuh akan membolehkan negara menangani isu yang masih berlarutan seperti kebergantungan kepada pekerja asing serta kadar upah yang tidak setimpal dengan kos sara hidup masa kini.

Menurut Pengarah Kanan Kompetensi JPPKK, Teknologis Zainab Othman, berkata melalui program ini, seramai sembilan (9) orang pensyarah dari politeknik dan kolej komuniti yang terpilih akan mengikuti program tersebut yang julung-julung kalinya diadakan di industri perbankan.

“Melalui inisiatif ini, jurang kompetensi antara tenaga pengajar TVET dan rakan industri akan dirapatkan, kompetensi tenaga pengajar TVET dapat ditingkatkan dan pengalaman industri tenaga pengajar TVET dapat diperkaya seiring dengan Lonjakan 4, Inisiatif A2,

iaitu kualiti tenaga pengajar TVET perlu ditingkatkan melalui program sangkutan dan bekerjasama rapat dengan industri.

“Justeru, JPPKK berharap dengan adanya program-program berimpak sebegini akan dapat meningkatkan keyakinan masyarakat dalam menjadikan TVET sebagai pilihan utama dan yang paling penting meningkatkan keyakinan industri untuk meletakkan kemahiran TVET ini dalam kelasnya tersendiri”, beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis *Kick-Off* Program Executive Lecturer Industrial Training Exposure bersama Malayan Banking Berhad (ELITE@MAYBANK) Tahun 2023 yang dirasmikan oleh Datuk (Dr.) Nora Abd Manaf, *Group Chief Human Capital Officer* Maybank di Bangi, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Teknologis Zainab berkata tenaga pengajar tersebut juga berpeluang menimba ilmu, kemahiran dan pengalaman di institusi perbankan tersebut.

“Sudah tentu ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi sangat bermakna dan bernilai yang boleh dikongsi kepada para pelajar kelak.

“Saya berharap program kerjasama ini dapat diperluas lagi melalui kerjasama lain antaranya aktiviti penyelidikan, penulisan, penambahbaikan kurikulum dan diperluas kepada program-program *grooming a leaders*,” tambahnya.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
10 OGOS 2023**

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Telefon : 03- 8888 2515 / E-mel : ukk.jppkk@mohe.gov.my*